

K'jaan peruntuk RM28.3 juta bangun UMS Kampus Antarabangsa Labuan

NST 03.04.2012 9

LABUAN : Kerajaan Pusat memperuntukan sebanyak RM28.3 juta untuk melaksanakan projek pembangunan dan menaiktaraf kemudahan asas di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada tahun ini.

Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said berkata peruntukan melalui Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) itu diberi untuk membina dan menaiktaraf lapan projek pembangunan yang dijangka siap pada pertengahan tahun ini sehingga awal tahun depan.

Katanya, lapan projek itu ialah pembinaan Dewan Kuliah Pusat yang menelan belanja sebanyak RM25 juta dan dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2013, laluan berbumbung bernilai RM350,000, menaiktaraf kafeteria RM340,000, mengubahsuai tingkat 4, 5, 11 dan 12 RM320,000 dan pembaikan laluan kabel elektrik di kolej kediaman sebanyak RM250,000.

Tiga lagi projek katanya, ialah menaiktaraf kemudahan sukan yang bernilai RM1.1 juta, makmal Institut Development Bank (IDB) untuk Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) RM1.5 juta dan menaiktaraf lif RM380,000 dijadual siap pada Mei depan.

"Kerajaan membelanjakan kira-kira RM28 juta untuk membangun dan menaiktaraf kemudahan untuk kegunaan pelajar

dan kakitangan di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Kampus Ceria 2012 di UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) pada Sabtu lalu.

Program Kampus Ceria yang bertemakan "Kampus Ceria Warga Cergas" telah diilhamkan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon adalah kesinambungan daripada program Gotong-Royong Perdana 1 Malaysia yang telah dilancarkan pada tahun lalu.

Pada majlis itu, beliau yang diiringi Pengarah UMS-KAL, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang turut melawat projek-projek tersebut dan bersama-sama kakitangan dan pelajar bergotong-royong menyiapkan projek keceriaan di Zon Laman 1 Malaysia, Zon Danau Damit dan Zon Replika Al-Haj.

Turut hadir Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim, Timbalan Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Lee Hock Ann dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah, kakitangan akademik dan bukan akademik serta mahasiswa. **-OLEH JAINUDIN DJIMIN (jainuddin@newsabah-times.com.my)**



LANCAR..... Abdullah (enam kanan) dan Dr Shariff (tiga kanan) melancarkan program Kampus Ceria UMS-KAL 2012.